

27 DEC 2001

PENGKISAHAN KEPIMPINAN TUNKU HINGGA KE DR MAHATHIR DI UUM PADA SABTU

ALOR SETAR, 27 Dis (Bernama) -- Universiti Utara Malaysia (UUM) menjemput orang ramai menghadiri majlis pengkisahan "Kedah Negeri Pemimpin Perdana: Dari Tunku ke Dr Mahathir", di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen UUM, Sabtu ini mulai 2.30 petang.

Program anjuran Institut Kajian Darul Aman (IDAMAN) UUM itu merupakan siri pengkisahan kedua selepas pengkisahan pertama sebelum ini mengenai "Buruh Paksaan Jepun".

Menurut kenyataan akhbar UUM, panelis yang akan membincangkan pengkisahan itu ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin Maidin, Felo Adjung IDAMAN, Tan Sri Khalid Abdullah, tokoh politik veteran, Tan Sri Azahari Taib dan Timbalan Naib Canselor UUM (Hal Ehwal Pelajar), Prof Madya Dr. Mohamad Mustafa Ishak.

Siri pengkisahan ini bertujuan mendedahkan generasi muda khususnya belia, mahasiswa dan pemimpin pelajar untuk menghayati pengalaman, perjuangan dan pengorbanan tokoh-tokoh terkemuka negara sehingga membolehkan generasi masa kini dapat mengecapi pelbagai nikmat dan kesejahteraan.

-- BERNAMA

ZA MAI